

22 DEC 1997

Anwar-padi

HARGA PADI DINAIKKAN RM5.39

ALOR SETAR, 22 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan harga padi sebanyak RM5.39 bagi setiap 100 kilogram menjadikan RM55 setiap 100 kilogram berkuatkuasa serta merta.

Bagaimanapun, kenaikan itu tidak akan melibatkan kenaikan harga beras yang dijual pada orang ramai di pasaran, katanya pada perjumpaan dengan pesawah di sini hari ini.

Anwar berkata kenaikan harga padi itu tidak akan membebankan kewangan kerajaan kerana kos peningkatan akan ditanggung oleh pengilang.

Ekoran pengumuman itu, harga padi yang dijual oleh pesawah kepada pemborong dan pengilang pada kadar RM49.61 bagi setiap 100kg akan menjadi RM55 bagi setiap 100kg manakala bagi padi gred sederhana yang dijual pada harga RM46.30 bagi setiap 100kg akan menjadi RM51.69 bagi setiap 100kg.

Anwar juga mengumumkan bahawa arahan Kementerian Pertanian minggu lepas mengenai pemotongan wap basah padi sebanyak 12 peratus ditarik balik serta merta dan kini terpulang kepada pesawah dan pengilang untuk berunding mengenai kadar pemotongan itu.

"Arahan itu ditarik balik kerana ia didapati merugikan petani," katanya di perkarangan pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Pemotongan wap basah padi ialah pemotongan terhadap berat padi yang dijual oleh petani kepada pengilang setelah menolak kadar berat kandungan wap, padi rosak, kotoran dan objek lain (seperti daun dan ranting).

Pada kebiasaannya, kadar pemotongan wap basah padi yang dipersetujui oleh pesawah dan pengilang ialah sekitar 10 peratus bagi setiap 100 kg.

Anwar membuat pengumuman itu setelah beliau mengadakan rundingan tertutup melibatkan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, wakil MADA, wakil Beras Nasional Berhad, wakil pengilang dan wakil pesawah di pejabat MADA.

"Tambahan kadar harga padi itu boleh naik lagi dari RM5.39 sehingga RM7 bagi setiap 100kg sekiranya pesawah boleh menjual terus padi mereka kepada pengilang tanpa melalui orang tengah," katanya.

Beliau berkata pengilang tidak boleh menaikkan lebih daripada tambahan RM5.39 bagi setiap 100kg padi kerana mereka terpaksa mengambil kira kos orang tengah yang mengendalikan urusan penghantaran padi yang dibeli dari pesawah kepada pengilang.

Anwar meminta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) supaya memainkan peranan dalam urusan penghantaran padi dari pesawah terus kepada pengilang untuk menghapuskan kegiatan orang tengah.

"Mulai sekarang semua kilang kena bayar tambahan RM5.39 bagi setiap 100kg padi dan tindakan akan diambil sekiranya mereka ingkar," katanya.

Pesawah telah meminta kenaikan sebanyak RM10 bagi setiap 100kg berdasarkan kenaikan kos pengeluaran seperti kos tanah, buruh, baja, racun dan mesin tuai padi.

Harga padi sekarang sudah kekal sejak 1990 sedangkan kos pengeluaran meningkat daripada RM2,009 bagi setiap hektar pada 1995 kepada RM2,904 sehektar sekarang.

"Kerajaan bercadang untuk menaikkan harga padi sebanyak RM7 tetapi tidak boleh berbuat demikian sekarang kerana tidak semua pesawah sudah bersedia untuk menjual terus padi mereka kepada pengilang kerana ada di antara mereka yang masih bergantung kepada orang tengah untuk tujuan penghantaran ke kilang," kata Anwar.

Oleh itu, cadangan itu ditangguhkan sehingga semua pesawah sudah bersedia untuk menghantar padi mereka terus ke kilang.

Bagaimanapun, kata Anwar, pengilang bersetuju membayar lebih daripada kenaikan RM5.39 bagi setiap 100kg seperti yang diumumkan sekiranya pesawah boleh menghantar padi terus kepada mereka.

"Kerajaan tidak menggalakkan penggunaan orang tengah, sebaik-baiknya jual langsung kepada kilang. Ada orang tengah kerana petani tidak sanggup jual langsung," katanya.

Anwar berkata kerajaan bersetuju dengan kenaikan harga padi itu setelah mengambil kira pendapatan petani sudah menurun antara 6 peratus dan 12 peratus ekoran kenaikan kos pengeluaran.

"Yang kerajaan tidak boleh tolak ansur ialah kenaikan harga beras di pasaran," katanya.

Anwar berkata arahan pemotongan wap basah padi ditarik balik kerana ianya (12 peratus) lebih tinggi daripada kadar lama (kira-kira 10 peratus).

Beliau meminta Kementerian Pertanian dan Pertubuhan Peladang Kawasan melaporkan kepadanya jika ada pengilang yang enggan mematuhi ketetapan mengenai pemotongan wap basah padi.

"Saya akan menutup kilang yang mengingkari arahan saya," katanya.

(Sebelum ini, terdapat juga beberapa arahan Kementerian Pertanian yang menetapkan pemotongan wap basah padi di antara 18 peratus dan 25 peratus).

Yang turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim manakala Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid sedang mengerjakan umrah. Sebilangan pesawah dari Perlis juga hadir.

Di majlis itu, Anwar mendengar soalan dan pendapat beberapa pesawah walaupun majlis dialog tidak dijadualkan.

Anwar yang sedang bercuti di Langkawi, berkata, beliau sendiri meminta kebenaran Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad untuk "turun ke bawah" bagi membantu menyelesaikan masalah pesawah itu.

"Kerajaan tidak lupa untuk mengambil berat tentang masalah petani," katanya.

Terdapat 65,000 keluarga pesawah di kawasan MADA. -- BERNAMA

JM MAN MAI